

NASIHAT TATACARA PENGURUSAN KESIHATAN KEPADA KONTAK RAPAT PESAKIT YANG DISYAKI DI KALANGAN STAF UMK

1. Definisi **KES YANG MENJALANI SIASATAN / KATEGORI RISIKO B** (Bagi kegunaan dalaman UMK) :

Mana mana individu yang diarahkan pihak KKM untuk menjalani ujian penilaian risiko iaitu ujian Swab dan dikehendaki menjalani Home Surveillance Order (HSO) dan pemakaian gelang pengawasan.

2. Maksud **KONTAK RAPAT / KATEGORI RISIKO C** (Merujuk Surat Edaran Berkaitan Kemaskini Kes Definisi dan Garispanduan Pengurusan Kes COVID-19 Di Malaysia; KKM 5 OKT 2020) ialah seperti berikut:

i. Individu yang bersemuka dengan KES YANG MENJALANI SIASATAN / KATEGORI RISIKO B kurang dari 1 meter dalam tempoh 14 hari kebelakang
ii. Individu yang bersentuh secara fizikal dengan KES YANG MENJALANI SIASATAN / KATEGORI RISIKO B dalam tempoh 14 hari kebelakang
iii. Individu yang berada dekat kurang 1 meter dengan KES YANG MENJALANI SIASATAN / KATEGORI RISIKO B dalam satu premis seperti pejabat, kelas, rumah ibadat, kedai dan lain lain
iv. Individu yang tinggal serumah dengan KES YANG MENJALANI SIASATAN / KATEGORI RISIKO B
v. Individu yang mengembara bersama dan duduk berdekatan kurang dari 1 meter dengan KES YANG MENJALANI SIASATAN / KATEGORI RISIKO B sepanjang perjalanan samada kereta, bas, kapalterbang, keretapi atau pengangkutan lain.

3. Bagi semua staf yang menjadi **KES YANG MENJALANI SIASATAN / KATEGORI RISIKO B** , pastikan anda memaklumkan kepada Ketua Jabatan masing masing dan PKU (0196592119 – *Whatsapp*) dengan seberapa segera.

4. Mana mana staf yang mengetahui bahawa dirinya tergolong dalam kriteria **KATEGORI C/ KONTAK RAPAT** kepada mana mana individu **KATEGORI B / KES YANG MENJALANI SIASATAN** dinasihatkan menjalani perkara berikut:

- a. Terus menjalani Pemantauan sendiri di rumah dan tidak memasuki mana mana kampus UMK dan dinasihatkan untuk:
 - i. Hanya keluar dari rumah atas urusan keperluan sahaja
 - ii. Minimumkan pergerakan keluar dari rumah dan elakkan ke tempat awam terutama tempat yang sesak/ tumpuan ramai.
 - iii. Boleh bergaul dengan ahli keluarga serumah sahaja seperti biasa.
 - iv. Memantau sebarang gejala (mengisi Borang Home Assessment Tool yang dikepilkan) sekiranya bergejala dalam tempoh ini, sila terus ke Klinik Kesihatan Kerajaan terdekat.
 - v. Sentiasa menggunakan pelitup muka apabila berurusan dengan selain ahli keluarga

Sentiasa mendaftarkan diri dengan MySejahtera sekiranya memasuki mana mana premis.

- b. Memaklumkan kepada Ketua Jabatan berkaitan status risiko beliau dan memohon untuk Bekerja Dari Rumah (bermula tarikh **KES KATEGORI B** tersebut menjalani ujian swab) sehingga keputusan ujian terakhir **KES KATEGORI B** tersebut diketahui atau selama **10 hari** (sekiranya keputusan ujian tidak diketahui).
 - c. Sila kepilkan Salinan Surat Arahan Kuarantin (HSO) yang dikeluarkan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah kepada kontak rapat yang terdiri dari ahli keluarga (bukan kalangan staf) kepada PKU.
5. Semua Ketua Jabatan terlibat untuk mendapatkan senarai **KONTAK RAPAT** bagi staf **KATEGORI B** tersebut dalam masa 14 hari yang lepas:
 - a. Maklumkan kepada **senarai KONTAK RAPAT** tersebut bahawa mereka tergolong dalam **KATEGORI BERISIKO C** dan diminta untuk menjalani pemantauan sendiri serta memohon untuk Bekerja Dari Rumah dengan Ketua PTJ masing-masing.
 - b. Menyerahkan senarai Kontak rapat yang telah dikenalpasti kepada pihak PKU untuk rujukan sekiranya terdapat kes yang didapati positif di kemudian hari.

(Sila rujuk Jadual terbaharu Senarai Kategori Risiko yang dikepilkan bersama)